



مجلس باندراي كوانتن


MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur

☎ 09-5121555/5121666/5052666 📠 09-5130644 🌐 www.mbk.gov.my

#MajuTerusPahang

#Pahang1st



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil.(05)dlm.MBK/J/C:T/5-140
Tarikh : 21 Ogos 2025

Senarai Edaran

YH.Dato'Tuan,

PEKELILING JABATAN KEJURUTERAAN BIL.01/2025

- GARIS PANDUAN DASAR PERLAKSANAAN KELULUSAN KERJA TANAH TANPA MENUNGGU KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, **Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2025 pada 04 Jun 2025** telah meluluskan Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Kelulusan Kerja Tanah Tanpa Menunggu Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) di peringkat Majlis Bandaraya Kuantan bagi tujuan mempercepatkan proses pembangunan.

3. Perincian garis panduan berkaitan dengan permohonan kerja tanah adalah sepertimana di Lampiran 1.


4. Pekeliling ini berkuatkuasa **01 September 2025**. Sehubungan dengan itu, dimohon YH.Dato'/ Tuan untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan lanjut, penjelasan teknikal atau permohonan panduan pelaksanaan boleh diajukan kepada **Bahagian Infrastruktur, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK)**.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI, DIMP.,AAP.)
Datuk Bandar Kuantan
Majlis Bandaraya Kuantan

..8/-



GARIS PANDUAN DASAR PERLAKSANAAN KELULUSAN KERJA TANAH TANPA MENUNGGU KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini memaklumkan tentang pelaksanaan kelulusan permohonan mula kerja tanah secara bersyarat yang boleh dikemukakan serentak dengan permohonan Kebenaran Merancang (KM). Langkah ini bertujuan:

- i. Mempercepatkan pembangunan dan juga menarik pelabur melabur di Kuantan dan Negeri Pahang;
- ii. Pemadatan tanah lebih efektif kerana proses pemadatan dan penstabilan tanah mengambil masa lebih kurang ± 6 bulan; dan
- iii. Mengelak tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pemilik/pemaju/pelabur yang menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan dengan denda sebanyak RM 25,000.

2. LATAR BELAKANG

Kerja tanah tanpa kelulusan atau melanggar syarat Majlis adalah kesalahan di bawah Seksyen 70A(9), Akta 133 iaitu boleh dikenakan penalti harian RM500 bagi kesalahan berterusan, serta kompaun sehingga RM25,000 sebagaimana diperuntukkan melalui Undang-Undang Kecil Kerjatanah (MPK) 1992. Sebagai langkah pemudahcara, Kerajaan Negeri Pahang bersama MBK membenarkan kerja tanah awal secara terkawal sebelum kelulusan penuh KM diperoleh, tertakluk kepada pematuhan kawalan teknikal.

3. DASAR DAN TATACARA PELAKSANAAN

- 3.1 Kelulusan kerja tanah boleh dikeluarkan terlebih dahulu berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat OSC, meskipun Kebenaran Merancang masih belum diperolehi, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- 3.2 Pemohon boleh mengemukakan permohonan kerja tanah bersama-sama dengan permohonan Kebenaran Merancang (KM) kepada Bahagian Pusat Setempat (OSC) bagi tujuan penyelarasan semakan dan kelulusan teknikal. **Permohonan kerja tanah juga dibenarkan dikemukakan walaupun KM masih dalam proses kelulusan, tertakluk kepada kepatuhan syarat teknikal awal yang ditetapkan oleh agensi terlibat.**
- 3.3 Permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan kerja tanah secara bersyarat, tertakluk kepada:
- Penyerahan pelan lengkap dan dokumen berkaitan
 - Penyerahan pelan cadangan bagi kerja-kerja pemotongan dan penambahan tanah.
 - Mengemukakan Akujanji Bertanggungjawab oleh pemohon dan perunding yang dilantik serta disahkan oleh Suruhanjaya Aku Janji Sumpah sebagai pra syarat kelulusan seperti Lampiran A.
 - Pembayaran fi seperti Lampiran B.
- 3.4 Aktiviti ini tidak dibenarkan melibatkan sebarang struktur kekal seperti asas bangunan, paip bawah tanah tetap, sistem longkang kekal atau sebarang kerja konkrit.
- 3.5 Sekiranya semasa permohonan Kebenaran Merancang dan Kerja Tanah serta Infrastruktur (Jalan dan Parit) dikemukakan, kerja-kerja tanah telah dijalankan, Kompaun sehingga RM25,000 akan dikenakan.
- 3.6 Permohonan kerja mula tanah hanya melibatkan cadangan pembangunan sahaja **tidak termasuk** bagi aktiviti seperti berikut :
- Kerja tanah untuk tujuan pertanian
 - Pembersihan tapak (clear & grub)
 - Kerja ubah aras tanah (cut & fill) untuk kegunaan bukan pembangunan (Pemotongan tanah / penggredan semula).
 - Permohonan Bagi pemasangan kabel, paip, atau tiang utiliti ('wayleave'/laluhan sementara utiliti).
 - Pengorekan saluran atau sungai kecil (Untuk tujuan mitigasi banjir atau pengairan ladang).

- vi. Penyediaan tapak untuk aktiviti sementara (Tapak bazar, fun fair, stor sementara, kandang haiwan, tapak latihan keselamatan).
- vii. Kerja penyasatan tanah (Soil Investigation).
- viii. Tapak pelupusan sementara sisa binaan atau sampah
- ix. Laluan masuk sementara ke tapak projek / pertanian.
- x. Permohonan tanah untuk kerja tanah sempadan / pagar sementara.
- xi. Tapak khemah atau kem latihan.
- xii. Penempatan semula (sementara) struktur ringan (Contoh: kontena, rumah pekerja sementara).
- xiii. Tapak pelancongan alam semula jadi (eco-tourism) (Aktiviti ringan seperti pelantar kayu, papan tanda – tiada struktur konkrit besar).
- xiv. Taman komuniti / urban farming sementara (Tanpa pembangunan struktur kekal).
- xv. Tapak pengumpulan hasil hutan / pertanian (Stesen pengumpulan sementara tanpa gudang kekal).
- xvi. Aktiviti perlombongan yang mana melibatkan pembangunan lombong terbuka secara kekal, pembinaan loji pemprosesan mineral dan penempatan kekal struktur atau infrastruktur perlombongan.

3.7 Bagi mempercepat dan menyelaraskan proses kelulusan pembangunan, permohonan pelan infrastruktur melibatkan sistem jalan dan perparitan hendaklah dikemukakan secara serentak bersama permohonan Kebenaran Merancang. Kelulusan muktamad terhadap pelan teknikal tersebut hanya boleh diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) selepas Kebenaran Merancang diluluskan, selaras dengan ketetapan Manual Prosedur OSC.

"Ketetapan ini berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah dijadikan rujukan utama oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi teknikal dalam mempertimbangkan permohonan pembangunan, selaras dengan aspirasi Reformasi Kerenah Birokrasi Negara."

4. KUAT KUASA

Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada **01 September 2025** dan terpakai kepada semua permohonan pembangunan baharu yang dikemukakan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

Ia meliputi sebarang permohonan yang melibatkan kerja tanah, penyediaan tapak awal, dan aktiviti berkaitan yang dijalankan sebelum kelulusan Kebenaran Merancang (KM) diperolehi sepenuhnya.

Sebarang permohonan yang dikemukakan sebelum tarikh kuat kuasa tetapi belum diluluskan, adalah tertaksir mengikut budi bicara MBK, selaras dengan syarat-syarat dalam pekeling ini.

5. PENUTUP

Pelaksanaan pekeling ini diharap dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dan pelaburan strategik melalui pengurusan proses pembangunan yang lebih cekap, pantas dan bertanggungjawab, tanpa mengabaikan aspek pematuhan teknikal dan kelestarian bandar.

MBK komited memastikan pelaksanaan inisiatif ini dipantau secara berterusan dan diperkasakan melalui kerjasama erat antara pemaju, perunding dan pihak berkuasa teknikal.


Sebarang pertanyaan lanjut, penjelasan teknikal atau permohonan panduan pelaksanaan boleh diajukan kepada:

Bahagian Infrastruktur, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK)

Sekian, terima kasih.

"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"

Saya yang menjalankan amanah,



Dato' Zaliza bin Zulkipli, DIMP., AAP

Datuk Bandar Kuantan

Majlis Bandaraya Kuantan

**GARIS PANDUAN DASAR PERLAKSANAAN KELULUSAN
KERJA TANAH TANPA MENUNGGU
KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)**

SURAT AKU JANJI BERTANGGUNGJAWAB

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini:

- i. **Nama Pemaju :**
- ii. **Nama Syarikat :**
- iii. **No. Kad Pengenalan :**
- iv. **No. Pendaftaran Syarikat :**
- v. **Alamat Syarikat :**

Dan

- i. **Nama Perunding (PSP / SP) :**
- ii. **Nama Syarikat :**
- iii. **No. Kad Pengenalan :**
- iv. **No. Pendaftaran Profesional :**
- v. **Alamat Firma :**

Dengan ini ~~mengaku janji secara bersama~~ bahawa segala kerja tanah yang dilaksanakan di tapak projek berikut adalah di bawah tanggungjawab penuh pemaju dan perunding yang dilantik:

- **Nama Projek :**
- **Lokasi Tapak :**

MAJLIS BANDARAYA
KUANTAN
CITY COUNCIL

LAMPIRAN A

Rujukan MBK : Bil.(05)dlm.MBK/J/C:T/5-140
Tarikh Kuatkuasa : 01 September 2025

Kami dengan ini berikrar bahawa:

1. Semua kerja tanah yang dijalankan adalah tertakluk kepada syarat kelulusan bersyarat MBK dan **tidak melibatkan sebarang pembinaan kekal** sebelum kelulusan penuh Kebenaran Merancang (KM) diperoleh.
2. Pemaju dan perunding (PSP / SP) akan **menanggung sepenuhnya segala risiko, kos pemulihan, liabiliti undang-undang, aspek keselamatan serta implikasi teknikal** sekiranya berlaku:
 - o Perubahan atau penolakan kelulusan Kebenaran Merancang (KM);
 - o Bantahan awam atau aduan pihak ketiga;
 - o Ketidakpatuhan terhadap syarat teknikal MBK, termasuk syarat EIA dan TIA.
3. Kami bersetuju bahawa **Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) tidak boleh dipertanggungjawabkan** atas sebarang kerugian, kelewatan, kerosakan, tuntutan pihak ketiga atau liabiliti yang timbul akibat pelaksanaan kerja tanah secara bersyarat ini.
4. Kami akan **menghentikan kerja serta-merta** sekiranya diarahkan oleh MBK dan akan melaksanakan semua langkah pembetulan/pemulihan yang diputuskan oleh MBK atas kos dan tanggungan kami sendiri.
5. Kami maklum bahawa sekiranya berlaku ketidakpatuhan, **MBK berhak mengenakan tindakan penguatkuasaan termasuk kompaun sehingga RM25,000, denda, atau tindakan undang-undang lain** selaras dengan peruntukan berkuat kuasa.

CITY COUNCIL

LAMPIRAN A

Rujukan MBK : Bil.(05)dlm.MBK/J/C:T/5-140
Tarikh Kuatkuasa : 01 September 2025

Dengan ini, kami membuat akuan ini dengan penuh tanggungjawab dan tanpa sebarang paksaan, serta tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Tarikh :

(Tandatangan Pemaju & Cop Syarikat)

Nama Penuh:

(Tandatangan Perunding / PSP)

Nama & No. Pendaftaran:

Pengesahan Pesuruhjaya Sumpah

Disahkan dan diikrarkan di hadapan saya pada tarikh:

(Tandatangan & Cop Rasmi Pesuruhjaya Sumpah)

Nama:

No. Pendaftaran:

مجلس باندرايه كوانتن
MAJLIS BANDARAYA
KUANTAN
CITY COUNCIL



BORANG KIRAAN BAYARAN FEE	BAHAGIAN INFRASTRUKTUR	INF : 2
--------------------------------------	-----------------------------------	----------------

NO. RUJUKAN FAIL : MPK/J/C/INF/ _____
 NO. RUJUKAN FAIL : MPK/OSC/ _____
 CADANGAN : _____

KELUASAN TAPAK/LOT TERLIBAT : _____ HEKTAR
 ISIPADU TANAH YANG TERLIBAT : _____ METER PADU

(Nota : 1 HEKTAR = 10,000M², 1 EKAR = 0.4046 HEKTAR = 4046.85 M²)

A. PELAN KERJA TANAH

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MBK) 1992

JADUAL PERTAMA	KADAR FEE	KIRAAN	JUMLAH (RM)
1. Kerja tanah penambakan, pemotongan dan asas tapak hingga seberapa dalam di bawah aras sedia ada yang tinggi sekali.	RM 0.20 bagi setiap meter padu tanah yang terlibat (fee minimum RM50.00)	_____ m ³ x RM 0.20	RM 150.00
2. Kerja tanah am.	RM50.00 tiap-tiap 0.5 hektar atau sebahagiannya.	_____ hektar x 0.5 x RM 50.00	
3. Lawatan tapak oleh Pegawai MPK	RM30.00 setiap lawatan (*5 lawatan)	5 x RM 30.00	
JUMLAH KECIL (RM)			

B. PELAN KHAS

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (PAHANG) 1996

JADUAL PERTAMA	KADAR FEE	KIRAAN	JUMLAH (RM)
1. Pelan lampu jalan dan pelan kerja cerucuk.	Fee minimum RM 70.00	Lump sum/tetap RM70.00	
2. Pelan dermaga, jambatan atau struktur khas lain (seperti kolam takungan, pemetung, jeti dan lain-lain)	RM 25.00 bagi 9 meter persegi atau sebahagiannya.	_____ m ² x 1/9 x RM25.00	
3. Tembok penahan	RM 3.00 bagi 9 meter persegi atau sebahagiannya (diukur luas permukaan 'elevation').	_____ m ² x 1/9 x RM3.00	
JUMLAH KECIL (RM)			

C. LAIN-LAIN FEE

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MBK) 1992

JADUAL PERTAMA	KADAR FEE	KIRAAN	JUMLAH (RM)
4. Melanjutkan tempoh sah selepas luput 12 bulan kelulusan.	20% fee asal	20 % x _____	
5. Pemeriksaan pelan yang telah diluluskan.	RM 6.00	Tetap RM 6.00	
6. Menyalin satu set pelan-pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakannya.	RM 24.00	Tetap RM24.00	
7. Memperakui salinan benar satu set pelan-pelan.	RM 10.00	Tetap RM10.00	
JUMLAH KECIL (RM)			

D. CAGARAN KERJA TANAH DAN KERJA JALAN (Jika berkaitan)

1. Amaun dan kadar yang ditetapkan adalah mengikut Seksyen 18, 19, 20, 21 dan 70 A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
2. Rujuk lampiran berasingan bagi perkiraan.

JUMLAH KECIL (RM) :

E. JUMLAH BAYARAN : RM _____

Pengesahan oleh

Semakan oleh

Tandatangan & Cop Jurutera Perunding/SP

Tarikh : _____

Tandatangan & Cop MBK

Tarikh : _____



BORANG KIRAAN BAYARAN INFRASTRUKTUR	BAHAGIAN INFRASTRUKTUR	INF : C
--	-----------------------------------	----------------

NO. RUJUKAN FAIL : MBK/J/C/

CADANGAN :

A	PELAN KERJA TANAH AM UUKT 1992 Jadual 1 (KERJA PEMBERSIHAN TAPAK)	KADAR	JUMLAH (RM)
		Setiap 0.5 Hektar Bayaran Minima	50.00 50.00
	PERKIRAAN	_____ Hektar X RM50.00 = RM _____	

B	PELAN JALAN DAN PARIT	JUMLAH RM 100.00
----------	-----------------------	---------------------

C	KERJA TANAH	KADAR (1 Hektar = 10,000m ²)	JUMLAH (RM)
		Setiap 1 m ³ Bayaran Minima	0.20/m ³ 50.00
	PERKIRAAN (TERMASUK KERJA-KERJA PENAMBAKAN, PEMOTONGAN DAN ASAS TAPAK)	Area (m2) x depth (m) x RM0.20/m ³ _____ x _____ x RM0.20/m ³ = RM _____	

D	LAWATAN KE TAPAK	JUMLAH RM 150.00
----------	------------------	---------------------

JUMLAH BAYARAN	AMAUN (A) + AMAUN (B) + AMAUN (C) + AMAUN (D)	
	RM _____ + RM _____ + RM _____ + RM 150.00	
	= RM _____	
	Bank = _____ No. Cek = _____	

* Mengikut Akta Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Kuantan dan Keputusan MMK Bil. 36/2012

Diperakui oleh : _____
Jurutera Perunding

Disahkan oleh Majlis : _____
Tarikh : _____



BAHAGIAN INFRASTRUKTUR
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25100 Kuantan
Pahang Darul Makmur.

Brg. e-INF:KT

Tarikh kemaskini : 26 Ogos 2025
No. Pindaan : 00
Tel: (609) 5121555 / 5121618 / 5121619
Fax : (609) 5130644
Laman Web: www.mbk.gov.my

SENARAI SEMAK PERMOHONAN MULA KERJA TANAH BAGI PROJEK PEMBANGUNAN DI KUANTAN TANPA MENUNGGU KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM) SELARAS KELULUSAN KERAJAAN NEGERI PAHANG MENERUSI PROJEK REFORMASI KARENAH BIROKRASI (RKB) 01 JULAI 2025.

**RUJUK GARIS PANDUAN DASAR PERLAKSANAAN KELULUSAN KERJA TANAH TANPA MENUNGGU KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)
RUJ. MBK: BIL.(05)DLM.MBK/J/C:T/5-140
TARIKH KUATKUASA : 01 SEPTEMBER 2025**

Pilih Pembayaran: ☐ E-Payment FPX (Online) / ☐ Cek
(Nyatakan No.Cek:_____)

- * Tarikh:
- * ID Projek:
- * Tajuk Projek:

- * Nama Perunding (PSP):
- * No.Pendaftaran Perunding (PSP):
- * Alamat Perunding (PSP) :

- * No. Telefon Perunding (PSP) :
- * E-Mail Perunding (PSP):

- * Nama Pemilik/Pemaju/Pelabur:
- * No. Pendaftaran Perniagaan Pemilik/Pelabur/Pemaju:
- * Alamat Pemilik/Pemaju/Pelabur:

- * No. Telefon Pemilik/Pemaju/Pelabur:
- * E-Mail Pemilik/Pemaju/Pelabur:
- * Cadangan Mula Kerja Tanah di Tapak:
- * No. Rujukan Fail E-SR:
- * Tarikh Serahan E-SR :

NOTA:

1. Pihak PSP wajib melengkapkan Senarai Semak ini dan menandatangani pada ruangan Tandatangan & Cop PSP.
2. Pihak PSP wajib memuatnaik senarai semak ini di dalam sistem OSC 3.0 Plus Online.
3. Pergerakan Fail & Ulasan, dirujuk dalam ruangan **AKTIVITI 3.0 Plus Online** melalui akaun PSP.
4. Setiap bertanda (*) adalah **DIWAJIBKAN** muat naik
5. Dokumen disusun mengikut urutan senarai semak dalam format **PDF**.
6. **Semua pelan dan dokumen yang dimuat naik hendaklah mengandungi e-signature atau kod QR pengesahan digital oleh Perunding Bertauliah sebagai langkah menyokong pendigitalan proses permohonan melalui sistem OSC 3.0 Plus.**
7. **Permohonan yang tidak lengkap, tidak mematuhi urutan senarai semak atau tidak memenuhi keperluan pemformatan boleh ditolak secara automatik oleh sistem OSC 3.0 Plus tanpa notis manual.**
8. Pemohon bertanggungjawab memastikan dokumen adalah lengkap dan tersusun bagi mempercepatkan pemprosesan serta mengurangkan keperluan semakan berulang.
9. Mengemukakan salinan transaksi **FPX** bagi bayaran secara online.
10. Permohonan boleh dikemukakan **selepas tempoh 14 hari** Self Regulated (E-SR) dikemukakan kepada Agensi Teknikal Luaran (ATL) yang terlibat.
11. Pelan *hardcopy* yang dikemukakan hendaklah ditandatangani oleh Perunding Bertauliah (**mempunyai cop B.E.M**) dan dilipat kepada saiz A4, hendaklah berwarna digital ; dan
12. PSP dipohon menyusun dan mengikat mengikut bilangan set.

Bil	KETERANGAN semakan oleh PSP	STANDARD NAMA FAIL yang perlu dipatuhi semasa muatnaik	Kuantiti Salinan Hardcopy	Tandakan (/)
1	SURAT PERMOHONAN RASMI * Surat permohonan rasmi daripada perunding bertauliah kepada Bahagian Pusat Setempat (OSC) & Jabatan Kejuruteraan (pengesahan penghantaran/ penerimaan daripada Bahagian Pusat Setempat)	SURAT RASMI BRG A	2	
2	BORANG PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH * Borang INF : B yang telah diisi lengkap beserta ditandatangani oleh Jurutera Bertauliah yang mengemukakan permohonan.	BORANG KT (PDF)	2	
3	SURAT PENGESAHAN PENGEMUKAAN PERMOHONAN KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG SERENTAK DENGAN PERMOHONAN INFRASTRUKTUR DAN KERJA TANAH * - Surat Pengesahan Dokumen KM : 3, Kerja Tanah & Infrastruktur - Pelan Cadangan KM (berwarna)	PENGESAHAN DOKUMEN KEBENARAN MERANCANG, KERJA TANAH & INFRASTRUKTUR	2	
4	SURAT AKUJANJI BERTANGGUNGJAWAB DASAR PERLAKSANAAN KELULUSAN KERJA TANAH TANPA MENUNGGU KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM) & PELAN KERJA TANAH (TERMASUK CADANGAN PEMADATAN TANAH SEDIA ADA) * Pelan Kerja Tanah yang mengandungi Pelan Kunci, Pelan Lokasi, Pelan Tapak, Pelan Keratan termasuk Pelan Cerucuk (Jika ada) beserta keluasan terlibat.	CADANGAN PARASAN PEMADATAN TANAH PELAN KT*	(Pelan) 1 saiz A1 2 saiz A3 1 nos surat akujanji	
5	LAPORAN KESTABILAN CERUN/GEOTEKNIK * (Jika melibatkan cerun di bersempadanan perlu mengemukakan kepada pihak JMG bagi kelulusan/pengesahan status tanah tersebut berada di dalam keadaan selamat/tidak selamat).	LAPORAN CERUN BESERTA SOKONGAN/PENGESAHAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA PAHANG (JMG)	2	
6	LAPORAN HIDRAULIK*	LAPORAN HIDRAULIK	2	
7	RESIT BAYARAN FI KERJA TANAH* - Borang Perkiraan INF:C - Borang Perkiraan INF:2 - Lampiran Butiran Perkiraan	KIRAAN RESIT FI*	2	
8	RESIT CUKAI TAKSIRAN - Salinan surat pengesahan cukai taksiran daripada Bahagian Cukai, MBK. - Salinan resit bayaran cukai taksiran	RESIT CUKAI TAKSIRAN	2	
9	GAMBAR TAPAK SEDIA ADA * (Keadaan Terkini Tapak beserta Koordinat bermula Jalan Masuk/Keluar Tapak)	GAMBAR TAPAK*	2	
10	SALINAN KELULUSAN LAPORAN KAJIAN ALAM SEKITAR (EIA) (jika berkaitan)	LAPORAN EIA	2	
11	PERAKUAN MELAKSANAKAN UKURAN AS-BUILT BAGI PEMASANGAN UTILITI BAWAH TANAH (jika berkaitan)	PERAKUAN AS BUILT	2	
12	PELAN PERPARITAN SEMENTARA* (Tidak Memasuki Tanah Pemilikan)	JPS PELAN PARIT*	2	
13	LAPORAN KAWALAN HAKISAN & KELODAK (ESCP)	JPS LAPORAN ESCP	2	

Bil	KETERANGAN semakan oleh PSP	STANDARD NAMA FAIL yang perlu dipatuhi semasa muatnaik	Kuantiti Salinan Hardcopy	Tandakan (/)
14	BORANG ANNEX C *	JPS ANNEX C	2	
15	LAPORAN SIASATAN TANAH (SOIL INVESTIGATION SI)	JMG LAPORAN TANAH	2	
16	LAPORAN KAEDAH PELETUPAN SECARA TERKAWAL (Jika Berkaitan)	JMG LAPORAN PELETUPAN	2	
17	BORANG ATJ 03/2011*	JKR BORANG ATJ	2	
18	LAPORAN KERJA LALULINTAS	LAPORAN LALULINTAS	2	
19	LAPORAN CERUN	LAPORAN CERUN	2	
DOKUMEN LAIN-LAIN				
20	MAKLUMAT I-CLEAN/SEMAKAN SEKATAN • Borang Semakan I-Clean yang telah disemak oleh Bahagian Cukai Taksiran, MBK.	LAIN-LAIN *	2	
21	SURAT ULASAN AGENSI TEKNIKAL LUARAN (SR) • Ulasan E-SR / Surat Ulasan Jabatan Kerja Raya • Ulasan E-SR/ Surat Ulasan Jabatan Mineral & Geosains • Ulasan E-SR/ Surat Ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran	LAIN-LAIN*	2	
22	SURAT AKUAN (Bagi Buangan Aliran Akhir/ Cerun) (Jika berkaitan) yang telah di sahkan oleh Peguam/ Pesuruhjaya Sumpah	LAIN-LAIN*	2	
23	SURAT KUASA WAKIL/ PERJANJIAN JUAL BELI (Jika Berkaitan)	LAIN-LAIN*	2	
24	C.P (CERTIFIED PLAN) dari Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (Bagi buangan aliran akhir yang melibatkan Tanah Kerajaan) (Jika berkaitan)	LAIN-LAIN *	2	
25	PELAN-PELAN BUTIRAN BAGI PEMBINAAN TEMBOK PENAHAN (Jika Berkaitan) • Pelan beserta Pengiraan Tembok Penahan	LAIN-LAIN*	2	
26	ACDC LANE (jika berkaitan) • Borang JKR Lampiran 1-1/2022 ACDC Lane • Cek Bayaran ACDC Lane Berjumlah RM _____ (No. Cek _____)	LAIN-LAIN*	1	
27	SENARAI SEMAK OSC • Senarai Semak Permohonan Pelan Kerja Tanah.	LAIN-LAIN*	1	

**LAMPIRAN - RUJUKAN FORMAT COP KELULUSAN DALAM TITTLE BLOCK
PELAN INFRASTRUKTUR**

DILULUSKAN
PELAN INFRASTRUKTUR
Mengikut surat saya

Bil. ()dim. _____

Bertandatangan: _____

Disahkan sahkan oleh pejabat teknikal
1. Suruhanjaya Perancangan Bandar
2. Suruhanjaya Perancangan Bandar

Disahkan sahkan oleh pejabat teknikal
1. Suruhanjaya Perancangan Bandar
2. Suruhanjaya Perancangan Bandar

Contoh Format Cop Kelulusan

**LAMPIRAN- RUJUKAN FORMAT COP KELULUSAN DALAM TITTLE BLOCK
PELAN INFRASTRUKTUR (JIKA MELIBATKAN PINDAAN PELAN)**

DILULUSKAN
PELAN INFRASTRUKTUR
Mengikut surat saya

Bil. ()dim. _____

Bertandatangan: _____

Disahkan sahkan oleh pejabat teknikal
1. Suruhanjaya Perancangan Bandar
2. Suruhanjaya Perancangan Bandar

Disahkan sahkan oleh pejabat teknikal
1. Suruhanjaya Perancangan Bandar
2. Suruhanjaya Perancangan Bandar

PINDAAN PELAN BIL. ()

Contoh Format Cop Kelulusan

PERINGATAN :

Pelan Jalan Dan Perparitan yang dikemukakan hendaklah Mengikut **Tittle Block** yang digunakan di Majlis Bandaraya Kuantan sahaja. Untuk permohonan digital, pastikan pelan ini disertakan dalam PDF yang sah melalui e-signature / QR digital oleh Perunding Bertauliah